

MAHATHIR-DIRAJA  
(I)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 3 PETANG - 15 JULAI, 1983

---

OLEH REJAL ARBEE DAN ABDUL RAHMAN SULAIMAN

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT MALAYSIA TIDAK SEHARUSNYA IRI HATI DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA KELUARGA DIRAJA YANG MENJADI KAYA MENERUSI KEGIATAN PERNIAGAAN YANG SAH SELAGI MEREKA TIDAK MENGGUNAKAN KEDUDUKAN UNTUK MENDAPATKAN KEISTIMEWAAN.

+KELUARGA DIRAJA KITA YANG ADA SEKARANG JUGA ANGGOTA MASYARAKAT DAN KITA HENDAKLAH MENERIMA HAKIKAT ITU.

+APA YANG TIDAK DAPAT KITA TERIMA SUDAH TENTULAH MENGGUNAKAN SEBARANG KEDUDUKAN ISTIMEWA OLEH SESIAPAPUN, SAMA ADA KELUARGA DIRAJA ATAU PUN BUKAN, UNTUK MENDAPATKAN KEISTIMEWAAN TERTENTU+, KATANYA SEBAGAI MENJAWAB SOALAN MENGENAI PERKARA ITU YANG DITIMBULKAN DALAM SATU TEMURAMAH KHAS SEMPENA TAHUN KEDUA BELIAU MEMEGANG TERAJU NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA TIDAK SEORANGPUN YANG SEHARUSNYA KESAL JIKA ORANG LAIN MENJADI KAYA DENGAN MENJALANKAN KEGIATAN PERNIAGAAN SECARA BIASA.

+JIKA MEREKA MENJALANKAN PERNIAGAAN DAN MENGHADAPI SEMUA RISIKONYA, MEREKA RUGI DAN MEREKA UNTUNG, INI SEMUA HAK MEREKA+, KATANYA.

--LAGI 0800/AN

MAHATHIR-DIRAJA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA APA YANG DISEBUT SEBAGAI MELAYU KELAS PERTENGAHAN SEKARANG SEBENARNYA ADALAH MELAYU KELAS RENDAH BATU KETIKA DAHULU KERANA RAMAI DARIPADA MEREKA PADA ASALNYA SANGAT MISKIN.

KATANYA +SALAH SEORANG DARIPADA AHLI PERMIAGAAN MELAYU YANG BERJAYA YANG SAYA KENAL IALAH ANAK SEORANG PEMANDU PELOMBONG TIMAH BRITISH YANG TINGGAL DI GARAJ KERETA TUANNYA.

+BAGAIMANA KITA BOLEH MENGANGGAPNYA SEBAGAI KELAS ATASAN? JIKA IA MERAIH FAEDAH DARI DASAR EKONOMI BARU MENGAPA PULA KITA MESTI MENYESALINYA? LAGIPUN ADAKAH KITA MAHUKAN DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU ORANG-ORANG MELAYU HANYA MENCAPAI TAHAP KELAS ATASAN ATAU KELAS PERTENGAHAN DAN TIDAK LEBIH DARI ITU?+

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KEPADA PERTANYAAN TENTANG KEMUNCULAN KELAS PERTENGAHAN MELAYU DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU DAN +RUNGUTAN+ YANG DILAPORKAN DI KALANGAN SETENGAH GOLONGAN MASYARAKAT MENGENAINYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH: +DEB BUKAN BERERTI PERNIAGAAN SAHAJA. PELAJARAN JUGA SEBAHAGIAN DARIPADA DASAR ITU. PELUANG-PELUANG PELAJARAN BAGI RAKYAT MISKIN DI NEGARA INI TELAH DIPERKUKUHKAN DENGAN DASAR EKONOMI BARU+.

--LAGI 0804/AN

ZCZC B504

MAHATHIR-DIRAJA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA SOAL KELAS TIDAK ENTENG DALAM KONTEKS MALAYSIA KERANA RAKYAT NEGARA INI TIDAK BEGITU MENGANGAN-ANGANINYA.

+KITALAH ORANG YANG MULA-MULA MAHU MENUNJUK-NUNJUKKAN KERETA KITA MALAH SISWAZAH YANG MUNGKIN SEMASA DI UNIVERSITI DULU MEMPUNYAI IDEA-IDEA SOSIALISTIK, SEKARANG MEMANDU KERETA YANG LAWALAWA. JADI MENGAPA KITA MESTI MENYESALINYA.

+SAYA RASA INILAH YANG SEDANG KITA USAHAKAN. SAYA TIDAK IRI HATI JIKA ORANG-ORANG INI MENJADI KAYA KERANA SAYA SENTIASA INGAT SETIAP KALI MEREKA MENJADI KAYA MEREKA TERPAKSA MENCARUM 40 PERATUS DARIPADA PENDAPATAN MEREKA KEPADA ORANG MISKIN YANG MASIH BELUM MENINGKAT MAJU.

+KITA TIDAK MEMPUNYAI ALASAN UNTUK IRI HATI. BIARLAH MEREKA KAYA. JIKA ORANG CINA BOLEH KAYA, ORANG EROPAH BOLEH KAYA, ORANG INDIA BOLEH KAYA, MENGAPA TIDAK ORANG MELAYU?

+JADI JIKA SAYA BOLEH MEMBANTU MEREKA MENJADI KAYA, SAYA AKAN LAKUKAN. SOAL KESAL TIDAK TIMBUL+, KATANYA.

--BERNAMA 0808/AN